

07/01/2003

MPK nafi gagal kutip cukai disebabkan ahli politik

KUANTAN: Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), Datuk Hashim Abdul Wahab, menafikan pembabitan ahli politik sehingga MPK gagal memungut cukai, khususnya cukai taksiran di kawasan pentadbirannya.

Hashim berkata, setakat ini, beliau tidak menerima sebarang aduan berhubung pembabitan ahli politik sehingga menggagalkan pelbagai usaha pihaknya untuk mengutip tunggakan cukai yang tinggi itu.

Beliau berkata, berdasarkan laporan terkini, sejumlah RM17 juta cukai taksiran gagal dijelaskan pemilik premis kediaman dan perniagaan sehingga memaksa MPK mengadakan operasi pengutipan sejak awal bulan ini.

"Dalam hal ini, sepatutnya pemilik premis memahami situasi itu kerana hasil tunggakan itu dapat memberikan keselesaan MPK untuk menguruskan sumber kewangan.

"Selain itu, ia dapat meningkatkan usaha MPK menyediakan pelbagai kemudahan awam dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada pembayar cukai hasil daripada sumber kewangan berkenaan.

"Sekiranya mereka bersikap acuh tidak acuh, MPK terpaksa menggunakan sumber kewangan yang terhad seterusnya gagal memberikan perkhidmatan yang bermutu pada masa depan," katanya di sini, semalam.

Pada 21 Disember lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membidas pihak berkuasa tempatan (PBT) kerana malas memungut cukai sehingga agensi itu gagal mendapat pungutan yang baik, berbanding agensi kerajaan lain.

Perdana Menteri berkata, lebih menyedihkan ialah apabila tidak cukup duit kerana gagal mendapat sumber pendapatan daripada kutipan cukai, PBT akan meminta wang daripada Kerajaan Pusat untuk menampung keperluan mereka.

Secara berseloroh, Dr Mahathir, tidak menolak kemungkinan ramai ahli majlis tempatan terdiri daripada orang politik yang tidak mahu mengambil tindakan tidak popular itu sebagai kegagalan PBT memungut cukai secara tidak berkesan.

Mengenai operasi cukai taksiran, Hashim berkata, operasi itu lebih bertumpu di premis perniagaan berikutan keengganan pemilik terbabit menjelaskannya walaupun notis sudah dikeluarkan.

Bagi memastikan kutipan mendatangkan hasil, penguatkuasaan akan dilakukan ke premis yang dikenal pasti gagal berbuat demikian, bermula hari ini.